



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**INSURANS INDEMNITI
PROFESIONAL**

KETETAPAN UMUM NO. 3/2009

TARIKH KELUARAN: 30 JULAI 2009



KANDUNGAN

Muka surat

1. Pendahuluan	1
2. Interpretasi	1
3. Syarat bagi profesional untuk menjalankan atau mempraktikkan suatu profesion	1 - 2
4. Keperluan membeli insurans indemniti profesional	2
5. Layanan cukai ke atas perbelanjaan premium insurans indemniti profesional	3 - 6
6. Layanan cukai ke atas prosid insurans dan bayaran ganti rugi	6 - 7
7. Tarikh kuat kuasa	7

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Ketetapan ini menjelaskan layanan cukai terkini berhubung dengan:
 - (i) potongan bagi perbelanjaan premium yang dibayar untuk polisi insurans indemniti profesional; dan
 - (ii) pengenaan cukai ke atas prosid insurans yang diterima berkaitan dengan insurans indemniti profesional.
2. Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan Ketetapan ini ialah seksyen 22 dan subseksyen 33(1).
3. Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
 - 3.1 "Orang" termasuk individu, perkongsian dan syarikat.
 - 3.2 "Profesion" termasuk profesion peguam, akauntan, arkitek, doktor, ahli farmasi, jurutera, juruukur atau profesion lain di mana status profesion diiktiraf oleh undang-undang bertulis atau statut di Malaysia.
 - 3.3 "Profesional" bermaksud seseorang yang termasuk dalam suatu profesion dan menjadi ahli badan profesional yang mewakili profesion itu atau berdaftar dengan badan yang mengawal selia profesion itu.
4. **Syarat bagi profesional untuk menjalankan atau mempraktikkan suatu profesion**
 - 4.1 Setengah profesion memerlukan seseorang menjadi ahli kepada badan profesional yang mewakili profesion itu bagi membolehkan orang itu mengamalkan dan mengekalkan profesionnya. Contoh profesion tersebut ialah akauntan, peguam dan jurutera.

Contoh 1:

Nathan ialah seorang peguam yang menjadi ahli kepada *Malaysian Bar Council*. Beliau mempraktikkan profesionnya melalui firma guaman, Nathan & Ali. Nathan adalah tergolong di bawah maksud profesional dalam Ketetapan ini.

- 4.2 Walau bagaimanapun, terdapat juga setengah profesion yang memerlukan seseorang berdaftar dengan suatu badan korporat yang mengawal selia profesion itu yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia bagi tujuan mengamalkan dan mengekalkan profesionnya. Orang itu tidak perlu menjadi ahli kepada badan profesional yang berkaitan. Contoh profesion tersebut ialah doktor perubatan, doktor pergigian dan arkitek.

Contoh 2:

Dr. Maira ialah seorang doktor yang berdaftar dengan *Malaysian Medical Council (MMC)* iaitu suatu badan korporat yang diperbadankan di bawah Kementerian Kesihatan. Beliau bukan ahli *Malaysian Medical Association (MMA)*, badan profesional yang mewakili profesionnya. Pada tahun 2008 beliau mempraktikkan profesionnya sebagai seorang doktor di klinik milik beliau. Dr. Maira boleh mengamalkan profesionnya kerana beliau berdaftar dengan MMC. Dengan itu, Dr. Maira adalah tergolong di bawah maksud profesional dalam Ketetapan ini.

5. Keperluan membeli insurans indemniti profesional

- 5.1 Seorang profesional, disebabkan jenis pekerjaannya, berkemungkinan terdedah kepada dakwaan guaman kerana kecuaiannya bagi sesuatu yang telah dilakukan atau yang telah diperkatakan dalam melaksanakan pekerjaannya.

Contoh 3:

Voon, seorang akauntan mungkin telah memberi nasihat dengan tidak berhati-hati mengenai urusan kewangan seorang pelanggan yang kemudiannya mengalami kerugian wang selepas bertindak atas nasihatnya. Pelanggan tersebut berkemungkinan menyaman Voon atas kerugian wang dalam transaksi tersebut dan menuntut pampasan daripadanya.

- 5.2 Insurans indemniti profesional (IIP) adalah polisi insurans yang diambil bagi melindungi penanggung daripada tanggungan yang sepatutnya akan ditanggung olehnya berkaitan dengan kecuaiannya. Insurans ini boleh melindungi kos mempertahankan dakwaan dan kos gantirugi.
- 5.3 Setengah profesion menghendaki ahlinya membeli IIP seperti dinyatakan dalam undang-undang kecil atau peraturan profesion itu. Contoh profesion tersebut ialah akauntan dan peguam.
- 5.4 Manakala profesional lain secara amnya membeli IIP sebagai satu langkah penghematan dan bukan disebabkan ianya merupakan keperluan di bawah undang-undang kecil atau peraturan profesion itu. Contoh profesion tersebut ialah doktor perubatan dan arkitek.

6. **Layanan cukai ke atas perbelanjaan premium insurans indemniti profesional**

- 6.1 Premium IIP yang dibayar adalah perbelanjaan yang tidak dibenarkan potongan kerana polisi diambil untuk melindungi risiko atau tanggungan persendirian. Ia adalah perbelanjaan bagi melindungi tuntutan yang dibuat terhadap aset persendirian seseorang dan tidak kesemua dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan di bawah subseksyen 33(1) ACP.
- 6.2 Walau bagaimanapun, sebagai satu konsesi, perbelanjaan premium IIP yang dibayar dibenarkan potongan mulai tahun taksiran 2006 kepada pengamal profesional yang menjadi ahli badan profesional yang mewakili profesionnya sekiranya syarat berikut dipenuhi:
- (i) profesional hendaklah menjalankan perniagaan yang berkenaan dengan profesionnya; dan
 - (ii) pembelian IIP adalah keperluan yang telah ditetapkan di bawah undang-undang kecil atau statut profesion itu.
- 6.3 Selaras dengan pengumuman Bajet 2008, konsesi ini diperluaskan kepada semua profesional yang dimaksudkan dalam Ketetapan ini tanpa mengambil kira sama ada atau tidak pembelian polisi IIP menjadi keperluan di bawah undang-undang kecil atau statut profesion itu. Oleh itu, mulai tahun taksiran 2008, seorang pengamal profesional dibenarkan potongan bagi perbelanjaan premium IIP sekiranya profesional itu menjalankan perniagaan yang berkenaan dengan profesionnya.

Contoh 4:

Dr. Steven, seorang ahli kongsi dalam perniagaan pergigian, beroperasi di klinik bersama ahli kongsinya. Beliau berdaftar dengan *Malaysian Dental Council* serta memiliki Sijil Amalan Tahunan. Pada tahun 2008, beliau telah membeli polisi IIP bagi melindungi dirinya daripada tindakan undang-undang yang mungkin timbul semasa menjalankan profesionnya sebagai doktor gigi.

Premium yang dibayar untuk IIP layak sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan perkongsian kerana Dr. Steven yang berdaftar dengan badan yang mengawal selia profesionnya menjalankan perniagaan berkenaan dengan profesionnya.

Contoh 5:

Ir. Lee ialah pemilik tunggal perniagaan kejuruteraan, Excellent Engineering Consultancy. Pada tahun 2007 dan 2008, beliau membeli polisi IIP dan membayar premium berjumlah RM10,000 bagi setiap tahun. Beliau adalah ahli *the Institution of Engineers Malaysia (IEM)*. Statut atau undang-undang kecil IEM tidak menghendaki ahlinya membeli polisi IIP untuk praktik sebagai profesional.

Untuk tahun taksiran 2007, premium IIP yang dibayar tidak dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan Ir. Lee kerana undang-undang kecil IEM tidak menghendaki pembelian polisi IIP untuk Ir. Lee praktik sebagai profesional.

Walau bagaimanapun, bagi tahun taksiran 2008, premium IIP dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar perniagaannya kerana beliau merupakan ahli badan profesional berkaitan dan beliau menjalankan perniagaan berkenaan dengan profesionnya. Syarat berhubung keperluan pembelian IIP mengikut undang-undang kecil atau peraturan profesion itu tidak lagi terpakai.

- 6.4 Dalam kes di mana seorang profesional tidak mengamalkan profesionnya tetapi menjalankan perniagaan lain atau terlibat dalam penggajian, maka premium yang dibayar untuk IIP tidak dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan kasar daripada perniagaan lain atau penggajian itu.

Contoh 6:

Dr. Aidil adalah seorang doktor bedah sepenuh masa yang bekerja di hospital kerajaan. Beliau berdaftar dengan *Malaysian Medical Council (MMC)* dan juga merupakan ahli *Malaysian Medical Association (MMA)*. Pada tahun 2007 dan 2008, beliau membeli polisi IIP dan membayar premium sebanyak RM2,400 setiap tahun.

Premium IIP yang dibayar dalam tahun 2007 dan 2008 tidak layak potongan terhadap pendapatan penggajian Dr. Aidil kerana beliau tidak menjalankan perniagaan yang berkenaan dengan profesionnya.

Contoh 7:

Felicia ialah seorang akauntan yang tidak praktik sebagai akauntan tetapi sebaliknya menjalankan perniagaan jualan langsung sepenuh masa. Felicia membeli polisi IIP untuk mengekalkan status profesionalnya sebagai seorang akauntan.

Oleh kerana Felicia tidak menjalankan perniagaan yang berkenaan dengan profesionnya sebagai seorang akauntan, beliau tidak memenuhi syarat yang perlu bagi potongan premium IIP. Dengan itu, premium IIP yang dibayar tidak dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar perniagaan jualan langsungnya.

6.5 Perbelanjaan premium insurans indemniti profesional yang dilakukan oleh syarikat

Jika sesuatu badan profesional membenarkan ahlinya mengamalkan profesion dalam bentuk suatu syarikat dan syarikat tersebut membeli IIP, premium IIP yang dibayar oleh syarikat itu boleh dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar syarikat jika syarat dinyatakan di perenggan 6.3 dipatuhi.

Contoh 8:

Senibina Bumi Lanskap Sdn Bhd (SBLSB) ialah suatu syarikat perundingan arkitek yang menyediakan perkhidmatan dan rundingan arkitek. Syarikat telah membeli IIP untuk melindungi kos ganti rugi dan mempertahankan tindakan undang-undang berhubung projek pembinaan sebuah hotel di Putrajaya. Pembelian IIP bukan merupakan keperluan wajib bagi arkitek untuk mengekalkan status profesional mereka.

Oleh kerana SBLSB yang menjalankan perniagaan perundingan arkitek membeli IIP berkaitan dengan profesion arkitek, maka premium IIP yang dibayar dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar perniagaan SBLSB.

6.6 Perbelanjaan premium insurans indemniti profesional untuk lokum

Jika seorang profesional yang menjalankan tugas lokum membeli IIP, premium IIP yang dibayar tidak dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan lokum atau pendapatan lain. Bagi tujuan Ketetapan ini, makna biasa perkataan lokum diguna pakai iaitu seseorang yang menggantikan secara sementara tugas orang lain yang menjalankan profesion yang sama. Sebagai contoh, seorang doktor lokum boleh menggantikan doktor lain di hospital atau di klinik. Pendapatan lokum ini ditaksir sebagai suatu punca pendapatan penggajian doktor tersebut.

Contoh 9:

Dr. Merican yang menjalankan perniagaan sebagai doktor sejak tahun 2006 membeli polisi IIP bagi tujuan melindungi dirinya daripada tindakan undang-undang dalam menjalankan profesionnya sebagai doktor. Beliau membayar premium IIP sebanyak RM2,500 setiap tahun sejak tahun 2006. Mulai Januari 2008, Dr. Merican juga menjalankan tugas sebagai lokum di klinik swasta lain dan membeli polisi IIP tambahan untuk tujuan perlindungan bagi tugasnya sebagai doktor lokum. Premium yang dibayar berhubung dengan polisi IIP ini adalah RM1,000 setiap tahun.

Dr. Merican layak mendapat potongan bagi premium IIP sebanyak RM2,500 yang dibayar berhubung dengan perniagaan berkaitan profesionnya. Walau bagaimanapun, premium IIP yang dibayar sebanyak RM1,000 berhubung dengan tugas lokum tidak dibenarkan potongan daripada pendapatan lokum atau pendapatan perniagaan kerana ia tidak dibuat berhubung dengan menjalankan perniagaan berkaitan dengan profesionnya.

7. Layan an cukai ke atas prosid insurans dan bayaran ganti rugi

7.1 Apabila seorang profesional telah dibenarkan potongan atas premium IIP yang dibayar, sebarang prosid atas polisi yang diterima berkaitan dengan IIP itu akan dikenakan cukai. Prosid ini dikenakan cukai tanpa mengambil kira sama ada syarikat insurans membuat bayaran kepada profesional itu atau membayar ganti rugi secara terus kepada pihak yang menuntut.

7.2 Bayaran ganti rugi kepada pihak yang menuntut boleh dibuat dengan cara berikut:

- (i) syarikat insurans membayar prosid kepada profesional dan profesional membayar amaun itu kepada pihak yang menuntut; atau
- (ii) syarikat insurans membayar terus kepada pihak yang menuntut.

Ganti rugi yang dibayar dalam kedua-dua cara di atas tidak boleh dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP kerana ia dilakukan untuk mengganti kehilangan aset persendirian profesional itu.



Contoh 10:

Mohd Fahrin ialah seorang arkitek dan mempraktikkan profesionnya melalui firma arkiteknya. Beliau membeli IIP untuk tujuan perlindungan diri daripada risiko. Dalam tahun 2008, pelanggan yang tidak berpuas hati menyamannya kerana kerosakan kepada banglo pelanggan itu disebabkan rekabentuk yang salah. Syarikat insurans berkaitan membuat bayaran ganti rugi berjumlah RM200,000 secara terus kepada pelanggan Mohd Fahrin (pihak yang menuntut).

Ganti rugi berjumlah RM200,000 yang dibayar terus kepada pihak yang menuntut dianggap telah diterima dalam akaun perniagaan firma arkitek itu dan dikenakan cukai. Amaun prosid yang dibayar sebagai ganti rugi kepada pihak yang menuntut dianggap telah dibelanjakan daripada akaun firma itu tetapi tidak dibenarkan sebagai potongan.

Contoh 11:

Bernard, seorang peguam menerima prosid berjumlah RM150,250 daripada syarikat insurans dan amaun ini melebihi ganti rugi sebanyak RM100,000 yang dibayar kepada pelanggannya yang membuat tuntutan terhadapnya.

Oleh kerana premium IIP yang dibayar oleh Bernard telah dibenarkan sebagai potongan, maka prosid berjumlah RM150,250 dikenakan cukai. Ganti rugi sebanyak RM100,000 yang dibayar kepada pelanggannya tidak dibenarkan sebagai potongan.

8. Tarikh kuat kuasa

Ketetapan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 dan ia menggantikan Ketetapan Umum No. 5/2006 yang dikeluarkan pada 31 Mei 2006.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**